

0047

U B987 BAH
MAHATHIR

JITRA, 30 MEI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENYERU UMAT ISLAM JANGAN MEMBIARKAN PERBEZAAN PENDAPAT MENGHALANGI USAHA KE ARAH PENCAPAIAN PERPADUAN DAN PERSAUDARAAN DI KALANGAN MEREKA.

+DALAM BERIBADAT KEPADA TUHAN, KITA TIDAK SEHARUSNYA MEMBIARKAN PERMUSUHAN MEROSAKKAN AMAL IBADAT KITA, KATA BELIAU PADA MAJLIS BERBUKA PUASA DAN NUZUL QURAN DI MASJID SIPUTEH, PADANG SERA, TUNJANG DEKAT SINI MALAM INI.

SEBALIKNYA, TEGAS PERDANA MENTERI, MEREKA HENDAKLAH MENGENEPIKAN PERMUSUHAN DAN SENGKETA KETIKA BERIBADAT.

DENGAN DEMIKIAN MAKA BARULAH SEMBAHYANG KITA LEBIH BERMAKNA DAN DITERIMA OLEH ALLAH S.A.W. KATA DATUK SERI DR MAHATHIR.

BELIAU BERKATA JIKA MEREKA TIDAK SEMBAHYANG ATAU TIDAK MAHU SEMBAHYANG KERANA PERCANGGAHAN PENDAPAT ATAU FAHAMAN, MAKA INI MENJEJASKAN PERPADUAN DAN PERSAUDARAAN DI KALANGAN MASYARAKAT ISLAM SENDIRI. -- LAGI
2241MST 30 05 86

U B988 BAH
MAHATHIR 2 JITRA

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA AMAL IBADAT YANG DILAKUKAN SUDAH TENTULAH TIDAK BERKAT JIKA MEREKA MASIH MENGAMALKAN PENDIRIAN ITU.

SEHUBUNGAN DENGAN ITU, PERDANA MENTERI BERHARAP PERSAUDARAAN DI KALANGAN PENDUDUK KAWASAN TUNJANG DIKEKALKAN.

+KITA TIDAK MAHU BERMUSUHAN DENGAN SESIAPAPUN TETAPI SEBALIKNYA INGIN BERSAHABAT DENGAN SEMUA ORANG TANPA MENGIRA FAHAMANNYA, + KATA BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENYIFATKAN SEBAGAI PERKARA BIASA JIKA BERLAKU PERBEZAAN PENDAPAT DI ANTARA MEREKA DAN ORANG LAIN SEDANGKAN ANTARA SUAMI ISTERI PERBEZAAN PENDAPAT JUGA BERLAKU.

INI TIDAK SEHARUSNYA MENGHALANGI USAHA KE ARAH MENGERATKAN PERHUBUNGAN DI KALANGAN MASYARAKAT ISLAM, TEGAS BELIAU. -- LAGI
2250MST 30 05 86

U B989 BAH
MAHATHIR 3 JITRA

DATUK SERI DR MAHATHIR MENYERU UMAT ISLAM MEMBUAT KEBAIKAN KERANA MEMANDANGKAN IA DITUNTUT OLEH ISLAM.

KATANYA, DALAM MEMBUAT KEBAIKAN UMAT ISLAM HENDAKLAH MENUNAIKANNYA DENGAN IKHLAS TERUTAMA APABILA BERLAKU KEMATIAN DAN BENCANA YANG MENIMPA ANGGOTA MASYARAKAT DI SEKELILING MEREKA.

PERDANA MENTERI YAKIN BAHAWA MELALUI USAHA SEUMPAMA ITU PERHUBUNGAN ANTARA ORANG ISLAM DAN BUKAN ISLAM AKAN LEBIH BAIK SEMENTARA ANTARA SESAMA ISLAM AKAN LEBIH ERAT.

BELIAU MENEGASKAN INI JUGA SELARAS DENGAN ISLAM SENDIRI SEBAGAI SUATU CARA HIDUP DAN BUKAN MENUNAIKAN IBADAT SEMATA-MATA. -- LAGI
2258MST 30 05 86

U 8992 BAH
MAHATHIR 4 JITRA

MENGENAI IBADAT PUASA, PERDANA MENTERI BERKATA SELAIN MENDAPAT PAHALA IA MERUPAKAN PENGAJARAN KEPADA UMAT ISLAM SUPAYA INSAF KEPADA PENDERITAN GOLONGAN MISKIN.

SEHUBUNGAN DENGAN ITU, UMAT ISLAM HARUS MEMBANTU MEREKA YANG MENGALAMI NASIB SEUMPAMA ITU TIDAK KIRA DI MANA MEREKA BERADA.

+KITA HARUS SEDIA MEMBANTU MEREKA YANG MENGHADAPI KEBULURAN BUKAN SETAKAT 10 ATAU 100 ORANG TETAPI BERIBU-RIBU ORANG SEPerti YANG BERLAKU DI AFRIKA,+ KATA BELIAU.

YANG TURUT MENGHADIRI MAJLIS ITU IALAH MENTERI BESAR DATUK PADUKA HAJI OSMAN AROFF, DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH MOHD. ALI, TIMBALAN SPEKER DEWAN RAKYAT DR ABDL HAMID PAWAN TEH, ANGGOTA EXCO KERAJAAN NEGERI HAJI HANAFI RAMLI SERTA PARA PEMIMPIN MASYARAKAT. -- BERNAMA
2326MST 30 05 86